

Ekonomi Melayu agenda Pemuda

UM-11/11/2006

Apabila bercakap mengenai hubungan Pemuda dalam konteks BN ia berkisar mengenai keikhlasan dan kepercayaan. Saya mahu tekankan di sini hubungan saya dengan ketua-ketua Pemuda parti komponen BN yang lain telah wujud sejak beberapa tahun yang lalu. Kami telah menghadapi setiap cabaran dan dugaan politik secara bersama

PERGERAKAN Pemuda UMNO merupakan barisan hadapan parti atau cukup dikenali dengan sayap kanan parti. Dengan kedudukannya yang cukup penting di dalam UMNO apakah inti pati ucapan Datuk Seri pada perhimpunan parti tidak lama lagi.

Saya kini dalam proses menyiapkan ucapan dasar Ketua Pemuda dan sememangnya tumpuan kita ialah untuk membangkitkan apa juga isu terutama yang berkaitan dengan orang Melayu. Oleh itu di dalam ucapan saya kelak terdapat beberapa perkara yang saya akan tekankan dan antaranya ialah bagaimana kita telah memulihkan kedudukan Pemuda daripada keadaan yang cukup tertekan iaitu pada sekitar tahun 1998 dan 1999.

Pada masa ini kemelut itu telah berakhir dan saya merasakan Pemuda berada pada tahap yang cukup baik dan kuat. Isu yang berkait dengan agenda Melayu di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) juga akan disentuh.

Ia membabitkan aspek agama, ekonomi, pendidikan dan sosial serta isu-isu semasa. Saya amat berharap semuanya akan disahut oleh jurucakap-jurucakap negeri yang telah dikenal pasti. Seperti biasa usul terima kasih kepada ucapan Ketua Pemuda juga akan dilakukan dan aspek yang sama akan turut disentuh.

Pada perhimpunan lepas Pemuda UMNO telah mengambil ketetapan untuk menyuntik semangat Dasar Ekonomi Baru (DEB) di dalam apa jua agenda untuk membangunkan agenda Melayu. Bagaimana pula perhimpunan kali ini.

Apabila kita membincangkan perkara yang berkaitan dengan DEB meskipun ia hanya menyentuh dari segi roh dan semangat terdapat usaha mempolemikkan dan menggambar-gambarkan pendirian kita itu dengan menggambarkan seolah-olah kita kebelakang. Oleh itu pada tahun ini kita akan mengambil kesempatan untuk menjelaskan apa yang dimaksudkan dengan suntikan semangat DEB yang berlandaskan kepada semangat keris panca warisan. Kita akan memberitahu roh atau semangat DEB ini bukanlah satu perkara yang baru.

Perjuangan kita tidak lari daripada apa yang termaktub dalam Perlembagaan dan dasar-dasar kerajaan dan daripada apa yang telah kita warisi daripada pejuang-pejuang kita sebelum ini.

Pada tahun lalu Pemuda telah melontarkan pendekatan dan idea tersebut dan mungkin pada tahun ini tiba masanya untuk kita memperjelaskan dengan apa yang dimaksudkan supaya tiada mana-mana pihak melihatnya secara sempit dan hanya melihatnya dengan konteks kaum dan agama semata-mata.

Oleh itu usaha menyuntik semangat DEB tetap menjadi agenda penting kepada Pemuda.

Sudah semestinya kerana suka tidak suka bukan sebab kulit bukan sebab agama tetapi jika kita umumkan atau kita isytiharkan negara kita maju tetapi masih terdapat mereka yang terpinggir keadaan itu akan mewujudkan ketidakstabilan. Sudah pasti kelompok ini berada di luar bandar dan kawasan pedalaman.

Usaha untuk membangunkan agenda Melayu sebenarnya merupakan satu amanah dan tanggungjawab kepada UMNO sebagai satu parti Melayu. Namun begitu dalam usaha memperjuangkan agenda itu, UMNO akan sentiasa memastikan kedudukan kaum-kaum lain tidak terjejas dan ia sejajar dengan konsep Barisan Nasional (BN).

Nampaknya Pemuda perlu berbuat sesuatu memandangkan tahun 2020 semakin dekat.

Saya setuju dan atas sebab itu di bawah RMK-9 apa yang termaktub dan apa yang telah dibentangkan adalah untuk memastikan bahawa padang permainan dapat disamaratakan.

Apakah sebenarnya masalah yang dihadapi oleh orang Melayu dan mesej yang boleh disampaikan oleh Datuk Seri selaku Ketua Pemuda pada perhimpunan yang akan diadakan tidak lama lagi.

Masalahnya ialah berkaitan dengan jurang iaitu antara jurang bandar dan luar bandar;

jurang luar bandar dan pedalaman termasuk juga jurang pengetahuan teknologi maklumat.

Semuanya ini merupakan jurang yang perlu ditangani oleh kita khususnya Pemuda. Kita mahu jurang ini dikurangkan dan ia bukan sahaja melibatkan orang Melayu malah turut membabitkan siapa sahaja yang tergolong sebagai masyarakat ketinggalan. Mereka yang berada di dalam golongan ini tetap mendapat pembelaan sewajarnya.

Kita tidak mahu kelak, wujud sekelompok golongan yang terpinggir apabila negara diiktiraf sebagai negara maju. Jangan nanti negara kita maju tetapi dalam masa yang sama terdapat kawasan luar bandar yang tidak mempunyai infrastruktur tiada akses kepada pendidikan.

Sebetulnya saya juga sebagai Menteri Pelajaran dan untuk pengetahuan projek yang bersifat impak tinggi telah dibentangkan kepada pihak kerajaan. Agenda kita ialah cara mana untuk mengurangkan jurang ini dapat dilaksanakan.

Isu-isu yang lain ialah usaha kita memperkasakan sekolah kebangsaan, usaha memartabatkan profesion perguruan dan semuanya itu merupakan agenda yang telah saya luahkan semasa saya memangku jawatan Ketua Pemuda lagi.

Hari ini saya bersyukur kerana apa yang telah diperjuangkan oleh Pemuda dahulu telah diambil kira dalam RMK-9.

Secara umumnya perjuangan Pemuda telah membuka mata kerajaan bagi merapatkan jurang yang berlaku. Apakah tindakan seterusnya dalam usaha memastikan usaha Pemuda itu berjaya.

Isunya sekarang ialah pelaksanaan, isunya sekarang ialah sistem penyampaian dan isunya sekarang ialah memastikan tiada ketirisan kebocoran dalam kita memastikan agenda kita itu sampai pada golongan yang benar-benar memerlukannya.

Bagaimana pula isu mengenai antara Pemuda UMNO dengan Pemuda parti komponen Barisan Nasional (BN) yang lain. Adakah isu ini juga akan disentuh.

Suka tak suka saya kena menyentuh mengenai hubungan di antara kepimpinan Pemuda di dalam BN dalam konteks kesefahaman dan talian hubungan yang telah lama wujud.

Bagi saya kekuatan Pergerakan Pemuda UMNO hari ini boleh juga diterjemahkan kepada kekuatan Pemuda BN dan saya akan sentuh hubungan antara parti-parti komponen di peringkat sayap Pemuda dan bagaimana kita dapat mencorakkan masa depan yang kita kongsi bersama melalui persefahaman dan juga amalan yang telah kita warisi daripada pemimpin-pemimpin sebelum kita.

Apakah sandaran Pemuda UMNO dalam usaha memastikan hubungannya dengan Pemuda komponen yang lain tidak disulami dengan krisis yang akhirnya boleh menjejaskan kekuatan BN.

Apabila bercakap mengenai hubungan Pemuda dalam konteks BN ia berkisar mengenai keikhlasan dan kepercayaan. Saya mahu tekankan di sini hubungan saya dengan ketua-ketua Pemuda parti komponen BN yang lain telah wujud sejak beberapa tahun yang lalu. Kami telah menghadapi setiap cabaran dan dugaan politik secara bersama.

Namun begitu masih terdapat pihak-pihak tertentu yang sengaja mencetuskan isu-isu sensitif yang kadangkala boleh mengeruhkan suasana harmoni di dalam BN.

Hubungan kami (Ketua Pemuda) sangat baik dan dengan adanya hubungan seperti ini ia akan memudahkan kita menyelesaikan pelbagai isu sensitif yang timbul. Saya berpandangan apabila timbul isu sensitif kita perlu membincangkannya di dalam saluran yang betul tanpa ia dipolemikkan. Ia boleh dilakukan atas kepercayaan dan keikhlasan sesama kita.

Sikap seperti ini harus dibentuk bukan sahaja di kalangan pemimpin tetapi turut berlaku antara ahli di peringkat akar umbi. Oleh itu sekiranya timbul satu-satu isu sensitif ia tidak boleh dicituskan dengan cara kontroversi tetapi perlu diselesaikan dengan semangat kekeluargaan BN.

MUKADIMAH

PERSIDANGAN Pergerakan Pemuda UMNO yang akan bermula pada 14 November ini mempunyai makna yang tersendiri kepada ketuanya, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein. Tahun ini merupakan tahun ketujuh beliau akan menyampaikan ucapan dasarnya sebagai Ketua Pergerakan itu.

Bagi beliau Pemuda berada pada landasan yang amat kukuh meskipun timbul beberapa isu kontroversi di dalam parti khususnya kritikan terbuka oleh bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad terhadap Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

"Kita telah meletakkan pelaburan yang begitu besar untuk menyelamat dan meletakkan UMNO dalam keadaan hari ini dan tidak mungkin kita akan mempersiakan pelaburan tadi atau menidakkannya dengan isu peribadi.

"Konsep kesetiaan kepada parti, kepada kepimpinan sentiasa menjadi amalan dan inilah cara kita diajar semasa kita mula berpolitik dahulu," kata Hishammuddin.

Beliau turut memberitahu usaha untuk menjelaskan pada perhimpunan kali ini mengenai suntikan roh atau semangat DEB bagi membolehkan padang permainan dapat diratakan terutama dalam menuju Wawasan 2020.

Kepada wartawan *Utusan Malaysia*, SAIFULIZAM MOHAMAD dan jurugambar SAIFUL BAHARI ASHAARI beliau menjelaskan perkara-perkara penting yang antara lain turut menyentuh hubungan Pemuda UMNO dengan Pemuda parti komponen yang lain menjelang Perhimpunan Agung UMNO Ke-57.

Dalam konteks masyarakat majmuk bagaimana Pemuda memastikan perjuangan agenda Melayu tidak menjejaskan golongan tersebut.

Ini bukan kerja mudah dan ia menuntut kepada kebijaksanaan dan kematangan sejajar dengan kedudukan masyarakat majmuk di Malaysia. Setiap tindakan perlu disertakan dengan tanggungjawab dan bukan untuk mencari populariti bersifat sementara. Ini harus dididik di dalam jiwa sanubari setiap pemimpin muda kita sama ada daripada UMNO, MCA, MIC atau parti-parti komponen yang lain.

Kemelut yang berlaku antara Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dengan bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad. Adakah ia memberi kesan kepada perpaduan di dalam Pemuda.

Saya melihat ia tidak memberi kesan kerana kita telah tekankan kepada semua anggota termasuk peringkat kepimpinan bahawa kepentingan parti, kepentingan majoriti, perjuangan lebih besar dan lebih penting daripada kepentingan individu. Oleh itu saya mahu semua anggota Pemuda memegang konsep tersebut.

Personaliti dan individu tidak boleh dijadikan satu pertimbangan utama sebaliknya kepentingan parti adalah lebih penting. Di bawah kepimpinan saya, saya percaya bahawa ia dapat dibendung tetapi kita perlu memantau secara dekat supaya tidak ada mana-mana pihak yang mengambil kesempatan dengan tujuan memecahbelahkan kita atau menidakkan kekuatan yang wujud pada Pemuda ketika ini.

Kita telah meletakkan pelaburan yang begitu besar untuk menyelamat dan meletakkan UMNO dalam keadaan hari ini dan tidak mungkin kita akan mempersiakan pelaburan tadi atau menidakkannya dengan isu peribadi kerana konsep kesetiaan kepada parti, kepada kepimpinan sentiasa menjadi amalan dan inilah cara kita diajar semasa kita mula berpolitik dahulu.

Pemuda sering dikaitkan dengan kumpulan pendesak, kumpulan penentang kepada parti induk. Apa komen Datuk Seri.

Zaman Pemuda dilihat sebagai kumpulan pendesak atau penentang kepada parti induk saya rasa telah berlalu. Ini adalah hasil daripada kerjasama daripada semua pihak melalui pendekatan-pendekatan yang telah saya bawa sejak kita berjaya memulihkan imej Pemuda.

Telah tiba masanya kita mengakui bahawa kekuatan yang ada pada kita mesti diterjemahkan dengan kesediaan memikul tanggungjawab bukan sahaja sebagai pendesak,

bukan sahaja semata-mata hendak menegur tetapi apa peranan kita untuk bersama-sama menjadi pelaksana kepada agenda-agenda besar kerana ini muragkin peluang terakhir kita sebelum 2020. Pemuda perlu memainkan peranan yang lebih bererti kepada anak bangsa, tanah air dan agama kita.

Baru-baru ini Majlis Tertinggi (MT) telah menengguhkan pemilihan parti dalam usaha untuk memberi tumpuan kepada pilihan raya. Adakah perkara ini juga akan dibincangkan.

Saya sentiasa mengingatkan kepada Pemuda supaya sentiasa bersiap sedia menghadapi pilihan raya. Ia boleh berlaku pada bila-bila masa. Pilihan raya bukan sahaja berkisar kepada pilihan raya umum tetapi turut menyentuh pilihan raya kecil.

Kadangkala kita terpaksa menghadapinya tanpa notis dan terpaksa bergerak dan memastikan calon kita menang di dalam keadaan yang begitu suntuk dalam tempoh yang begitu terhad.

Keputusan MT baru-baru ini sebenarnya memberi kelebihan kepada UMNO kerana kita boleh memberi tumpuan kepada kekuatan parti.

Kita perlu bertekad memastikan mandat yang besar diberikan kepada BN yang sebelum ini dapat diperbesar lagi dalam pilihan raya akan datang. Mesej saya Pemuda perlu sentiasa bersiap sedia.

Apa pula peranan Pemuda untuk mendekati golongan muda dalam usaha menarik mereka lebih menjiwai perjuangan UMNO.

Saya memberitahu Ketua Putera UMNO, Datuk Abdul Azeed Abdul Rahim bahawa kewujudan Putera merupakan satu keputusan yang tepat. Saya meminta Datuk Azeed mendampingi setiap lapisan generasi muda daripada 15 ke 25 tahun.

Ini termasuk golongan yang bermasalah seperti mat rempit. Apa jua kritikan dan tuduhan yang dilemparkan terhadap usaha kita ini saya melihat dari sudut positif.

Sekiranya tidak Putera siapa lagi, jika tidak Pemuda siapa agi. Kumpulan seperti ini harus didampingi. Bagaimanapun kita hanya akan menyerapkan golongan bermasalah ke dalam parti selepas mereka benar-benar memahami dan menghayati perjuangan kita. Inilah tujuan kita mendekati mereka. Kita mahu mereka menjadi anal bangsa yang turut mencurahkan bakti untuk negara.

Dalam konteks politik pula Putera UMNO juga akan bekerjasama dengan biro penambahan ahli dan pendaftaran pengundi Pemuda untuk membawa masuk

golongan ini. Setakat ini adakah Datuk Seri berpuas hati dengan prestasi Pemuda ataupun masih ada kelemahan-kelemahan yang boleh diperbaiki. Kelemahan sentiasa wujud dan tidak semua orang seratus peratus sempurna. Penilaian bukan saya yang tentukan tetapi yang menentukan jatuh bangunnya Pemuda UMNO ini ialah masyarakat dan ahli-ahli UMNO iaitu berdasarkan keputusan pilihan raya atau di peringkat pemilihan parti. Bagi saya Pemuda kini masih berada di atas landasan yang kukuh.